

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJ. KAMI : UMK.A04.800-2/1/8 (34)
TARIKH : 24 SEPTEMBER 2020

CONFIRMATION LETTER

Dear Authors,

**Ariezal Afzan Hassan, Najihah Mahmud, Siti Amirah Ahmad Tarmizi & Amaal Fadhlini
Mohamed**

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.

Warm Greetings!

It's a great pleasure to inform you that, after the peer review process, your article entitled, "**PENUTUR BAHASA INGGERIS MELAYU DALAM MASYARAKAT MELAYU: CABARAN DAN DILEMA**" has been accepted and confirmed to be published as one of the chapters in a book, "ISU-ISU SEMASA DALAM BIDANG SAINS SOSIAL" by Penerbit UMK. The book will tentatively be published at the end of this year.

Thank you for your submission.

Warm Regards,

Dr. Amaal Fadhlini Mohamed
Chief Editor
ISU-ISU SEMASA DALAM BIDANG SAINS SOSIAL
Universiti Malaysia Kelantan

PENUTUR BAHASA INGGERIS MELAYU DALAM MASYARAKAT MELAYU: CABARAN DAN DILEMA

**Ariezal Afzan Hassan, Najihah Mahmud, Siti Amirah Ahmad Tarmizi,
Amaal Fadhlini Mohamed**

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki kepelbagaian budaya yang terdiri daripada pelbagai etnik yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Fenomena ini menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara yang bersifat multilingual di Asia Tenggara mahupun di dunia. Lakaran sejarah penjajahan British ke Tanah Melayu telah mencorakkan dasar bahasa nasional dan memberi kesan bahasa-bahasa lain yang digunakan dalam negara. Meskipun Malaysia mempunyai rakyat yang bertutur pelbagai bahasa, namun Bahasa Malaysia atau Melayu dan Bahasa Inggeris merupakan dua bahasa utama yang sering digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan. Kedua-dua bahasa tersebut banyak menimbulkan konflik di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Kajian ini adalah bertumpu kepada penerimaan dan penolakan masyarakat Melayu terhadap orang Melayu yang fasih bertutur bahasa Inggeris. Kajian kes ini menggunakan penuntut institusi pengajian tinggi tempatan sebagai responden. Mereka diperlukan untuk mencatat pengalaman harian mereka dalam bentuk jurnal. Isi kandungan naratif mereka diambil kira sebagai data utama disamping disokong oleh dapatan daripada perbincangan kumpulan berfokus. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa orang Melayu yang bertutur bahasa Inggeris dalam komuniti Melayu mendapat tentangan dan reaksi yang negatif. Penutur bahasa Inggeris juga didapati cuba mengubah identiti atau membawakan diri mereka apabila berhadapan dengan komuniti tertentu yang tidak boleh menerima penggunaan bahasa Inggeris. Kajian ini juga mendapati penutur bahasa Inggeris mengalami konflik dalaman apabila menggunakan bahasa yang merupakan bahasa kedua di Malaysia. Stigma dan penolakan bahasa Inggeris dalam komuniti Melayu merupakan antara kesan-kesan daripada pembentukan dasar dan polisi kebangsaan yang lampau.


Kata Kunci: Dwibahasa, Konflik, Identiti, Penutur Bahasa Inggeris

PENGENALAN

Kajian ini berpaksikan daripada fenomena komuniti Asia Tenggara yang bersifat kompleks dan berkebolehan untuk menguasai berbilang bahasa. Dewasa ini terdapat peningkatan secara drastik akan kesedaran untuk menguasai bahasa Inggeris di kalangan masyarakat setempat. Justeru, mengenalpasti identiti penutur yang menggunakan bahasa Inggeris dalam kegiatan harian mereka menimbulkan persoalan yang menarik bagi pengkaji bahasa dan ahli sosiolinguistik. Hasil kajian lampau menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa kedua bukanlah kemahiran yang boleh dimiliki dengan sekadar latihan yang berterusan dan melalui pembacaan, tetapi turut berkait dengan interaksi sosial dan juga daripada perbezaan kuasa yang memberi kesan terhadap identiti mereka yang bertutur menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Penyelidikan seperti ini telah banyak dilakukan di negara seperti Australia, England dan Kanada. Kajian-kajian lampau kesemuanya adalah berfokus kepada penutur-penutur dewasa (Iddings 2005; Miller 2000; Norton 2000; Pavlenko 2003). Penyelidik mendapati bahawa masih kurang tumpuan diberikan kepada penutur bahasa Inggeris dalam konteks Asia yang menjurus kepada bagaimana indentiti harian mereka dibentuk dalam konteks negara multilingual.

Menurut Kachru (1997), Asia tenggara menjadi tumpuan yang menarik bagi mengkaji model bulatan konsentrik, teori yang menerangkan penyebaran penggunaan bahasa Inggeris. Model ini mempunyai tiga lapisan; lapisan dalam merupakan negara-negara seperti USA, UK, Australia, di mana status bahasa Inggeris merupakan bahasa ibunda. Lapisan kedua adalah mengenai negara-negara yang mempunyai sejarah silam dengan bahasa Inggeris hasil daripada penaklukan atau penjajahan, yang menyebabkan bahasa Inggeris mempunyai fungsi institusional. Lapisan terakhir atau dikenali sebagai lapisan berkembang terdiri daripada negara yang tidak mempunyai hubungan istimewa dengan bahasa Inggeris dan sekadar diajar sebagai bahasa asing. Negara-negara seperti Malaysia, Singapura dan Filipina dikenalpasti sebagai kategori lapisan kedua kerana mempunyai sejarah silam dengan penjajahan kuasa asing. Namun kini, terdapat segelintir rakyat di ketiga-tiga negara ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama dan fenomena ini menyebabkan status sebagai lapisan kedua beranjak kepada lapisan dalam/pertama. Disebabkan oleh situasi di mana masyarakat mula menyedari dan berusaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, kajian ini ingin menyiasat

bagaimanakah hubungan penutur dwibahasa dengan kehidupan sosial mereka boleh dikonsepsikan. Makalah ini adalah berfokus kepada sekumpulan pelajar Melayu yang fasih bertutur dalam bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris. Mereka diminta untuk menggunakan bahasa Inggeris di luar zon selesa mereka. Penerangan lanjut akan diterangkan di bahagian metodologi.



Kachru's Three Circle Model (1997)

Malaysia yang merupakan sebuah negara yang bersifat berbilang etnik dan rakyatnya mampu bertutur berbilang bahasa. Butiran demografi menunjukkan orang Melayu merangkumi 65% daripada keseluruhan rakyat Malaysia, Cina sebanyak 26% dan India 7.7% (Bancian Kebangsaan 2000). Hasil daripada pertemuan pelbagai kaum ini, berbagai bahasa digunakan dalam negara Malaysia. Antaranya, bahasa Melayu yang merupakan bahasa ibunda kepada orang Melayu dan juga bahasa kebangsaan, pelbagai dialek bahasa Cina, pecahan bahasa India dan pelbagai bahasa kaum peribumi. Meskipun Malaysia mempunyai penutur pelbagai bahasa, bahasa Inggeris terus gagah menyusuri arus linguistik Malaysia apabila saban hari semakin ramai penutur yang mementingkan penggunaannya dalam pelbagai aspek kehidupan harian. Ini menimbulkan persoalan kepada peranan, fungsi dan nilai jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain terutamanya bahasa Malaysia.

Untuk memahami senario sosiolinguistik Malaysia, dasar dan polisi kerajaan British pada zaman penjajahan Malaya pada kurun ke 18 hingga kurun 20 perlu diambil kira. Kerajaan British telah memperkenalkan bahasa Inggeris di Malaya dan juga membawa masuk pekerja-pekerja dari China dan India yang telah menjadikan Malaysia negara multietnik. Walaupun pada awalnya bahasa Inggeris hanya digunakan untuk urusan dengan penjajah British, namun dengan pantas ia mendapat pengiktirafan lantas menjadikannya satu bahasa yang berprestij. Penguasaan bahasa Inggeris membolehkan penuturnya mendapat kerja yang bagus, pendidikan di universiti dan secara keseluruhannya memberi taraf sosioekonomi yang lebih baik (Asmah 1992). Namun, menurut Lowenberg (1992), hanya bangsa Cina dan India yang mempunyai sikap yang lebih menghargai bahasa Inggeris berbanding bangsa Melayu. Menjurus ke zaman penghujung zaman kolonial British, bahasa Inggeris telah menjadi lingua franca dan penguasaannya adalah amat penting bagi golongan bijak pandai dalam negara.

Pada tahun 1957, bangkitnya semangat nasionalisme penduduk Melayu dan setelah berjaya menuntut kemerdekaan daripada kerajaan British di London. Zaman pasca kemerdekaan menyaksikan perubahan sikap terhadap bahasa Inggeris dalam negara apabila bahasa Melayu mengambil tempat bahasa Inggeris sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa rasmi bagi upacara rasmi, medium persekolahan dan universiti dan urusan-urusan rasmi kerajaan. Meskipun skop penggunaan bahasa Melayu adalah meluas, namun badan-badan korporat dan swasta masih mementingkan penggunaan bahasa Inggeris dalam pelbagai aspek. Rajah (1990) menyatakan perubahan ini membawa kepada penyatuan di peringkat kebangsaan, tetapi perpecahan pada peringkat penguasaan bahasa kedua negara iaitu bahasa Inggeris. Berlakunya segregasi kompetensi bahasa Inggeris di mana penduduk di bandar-bandar besar menjadi lebih fasih gara-gara faktor seperti taraf sosioekonomi yang lebih baik yang membolehkan mereka mendapat pendidikan di sekolah swasta.

Pada penghujung tahun 90an, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan polisi baharu dengan memperkenalkan bahasa Inggeris sebagai medium perhubungan dalam kurikulum kebangsaan bagi membolehkan masyarakat terutamanya golongan muda menghadapi persaingan globalisasi dengan lebih kompetitif. Meskipun langkah ini dianggap sebagai wajar oleh segenap lapisan masyarakat, namun tidak kurang yang menentang langkah ini dengan hebat sekali. Golongan yang menentang mengikut

laporan daripada David dan Govindasamy (2007) dan Lee (2004) adalah daripada masyarakat Melayu. Mereka merasakan implimentasi bahasa Inggeris dalam silibus pendidikan pastinya akan mengancam bahasa dan budaya Melayu.

Mardziah dan Wong (2006) menyatakan bahawa orang Melayu tidak mahu menerima bahasa Inggeris kerana penggunaannya yang terlampau kerap akan menghakis kecintaan rakyat terhadap bahasa ibunda, bahasa Melayu. Ratnawati (2005) pula mendapati bahawa orang Melayu Muslim tidak menggemari menggunakan bahasa Inggeris dalam kegiatan harian mereka.

Isu ini juga bersabit dengan Perlembagaan Persekutuan yang dengan jelas menyatakan hak istimewa orang Melayu dan perlindungan khas terhadap bahasa dan agama mereka. Justeru, kecenderungan terhadap penggunaan bahasa Inggeris yang berlebihan akan dilihat sebagai bertentangan dengan dasar kerajaan dan pastinya mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu sendiri (Shamsul 1997). Senario penentangan ini menimbulkan persoalan bagaimana, di mana dan apakah implikasi terhadap penutur bahasa Inggeris dikalangan etnik Melayu sendiri. Maka, menjadi tujuan utama kajian ini untuk menyiasat adakah terdapat peluang bagi orang Melayu untuk menggunakan bahasa Melayu di luar daripada konteks biasa atau zon selamat menggunakan bahasa Inggeris.

Kajian ini menumpukan kepada sekumpulan pelajar Melayu yang mempunyai motivasi tinggi terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian. Memandangkan senario sosiolinguistik di Malaysia adalah agak rumit, kajian ini bertujuan untuk mendapat kefahaman yang mendalam tentang bagaimanakah pelajar-pelajar ini mengurus kecenderungan mereka untuk bertutur dalam bahasa Inggeris dan pada masa yang sama memelihara perhubungan mereka dengan komuniti yang menentang penggunaan bahasa Inggeris.

KERANGKA TEORI

Teori konstruktivisme menerangkan seseorang pelajar adalah bersifat unik, multidimensi dan mempunyai kecenderungan untuk mencari erti perhubungan antara mereka dengan aspek fizikal, sejarah dan sosiokebudayaan dunia. Pembelajaran bahasa

pula merupakan satu proses aktiviti sosial yang kompleks di mana pelajar bukan sahaja menumpukan kepada diri mereka sahaja tetapi harus mengambil kira peranan mereka dalam sesebuah komuniti (Lave dan Wenger 1991). Teori ini menerangkan pembelajaran bahasa adalah satu proses sosial di mana penutur yang baharu akan cenderung untuk menyertai penutur senior. Bagi memastikan proses ini berlaku, peluang untuk bertutur dan berkomunikasi harus wujud terlebih dahulu.

Dunia kini menjadi semakin kompleks, pelajar bahasa kedua atau penutur L2 terdedah kepada pelbagai komuniti. Bagi penutur bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (L2), mereka terdedah kepada golongan yang menerima manfaat dan kegunaan bahasa Inggeris dan juga kepada kelompok komuniti yang menentang. Penutur juga sering berharap untuk bersama komuniti impian mereka di mana mereka semua mempunyai kecenderungan dan minat yang sama yakni menggunakan bahasa Inggeris seoptimal mungkin (Murphey et al. 2005). Ketiga-tiga jenis komuniti ini akan memberi kesan yang berlainan kepada penutur terutamanya yang masih baharu.

Memandangkan kerangka teori ini menganggap pembelajaran bahasa adalah satu praktis sosial yang kompleks, dan bukanlah satu kemahiran abstrak semata, penyelidikan ini berpendapat bahawa penuntut dan penutur bahasa Inggeris sebagai L2 bukan mempelajari sistem linguistik semata, tetapi menimba pengalaman dan kemahiran daripada praktis sosiobudaya persekitaran. Pendedahan kepada persekitaran tersebut menjadikan penuntut bahasa cenderung untuk membentuk identiti baharu sebagai penutur bahasa kedua. Norton (2000: 11) berpendapat apabila penutur Bahasa Inggeris L2 menggunakan bahasa kedua, mereka bukan sahaja bertutur untuk berkomunikasi malah mereka turut secara kognitif merasakan diri mereka berkait rapat dengan sosiobudaya bahasa yang dituturkan. Justeru, mempelajari dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai L2 dalam konteks multilingual seperti di Malaysia boleh menyebabkan penutur mewujudkan beberapa karakter berbeza yang dirasakan sesuai untuk dipakai pada sesuatu situasi atau apabila berada di dalam sesebuah komuniti.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan data naratif daripada responden di mana mereka diarah untuk mencatat pengalaman harian mereka dalam bentuk jurnal dan diari. Kajian ini menghuraikan pengalaman pembelajaran bahasa Inggeris oleh penutur berbangsa Melayu dan menyiasat peluang dan halangan yang ditempuhi semasa menggunakan bahasa Inggeris dalam kegiatan harian mereka. Pendekatan ‘pelbagai kajian kes’ atau ‘*multiple case study*’ digunakan bagi mendapat kefahaman secara mendalam dan holistik mengenai pengalaman yang dilalui oleh responden. Kesemua data melalui proses triangulasi bagi meningkat kebolehpercayaan dan kesahan kajian. Proses ini melibatkan penggunaan pelbagai salinan jurnal dan juga pengamatan data daripada sesi perbincangan kumpulan berfokus.

Sejajar dengan keperluan kajian, tiga kriteria telah ditetapkan dalam pemilihan kes atau responden. Yang pertama, peserta haruslah terdiri daripada bangsa Melayu, kedua; peserta haruslah fasih berbahasa Inggeris dan ketiga; harus mempunyai keinginan dan motivasi tinggi untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pelbagai persekitaran dan konteks. Ketiga-tiga kriteria ini boleh didapati dikalangan pelajar jurusan *TESL (Teaching English as Second Language)* kerana mereka merupakan bakal guru yang akan mengajar bahasa Inggeris apabila tamat pengajian nanti.

Bagi pengumpulan data fasa pertama, penulisan jurnal peserta digunakan kerana mengikut Pavlenko (2002), kaedah ini membenarkan pengkaji mengamati suara dan buah fikiran sebenar peserta. Justeru, pengkaji boleh menilai pelbagai aspek penceritaan pengalaman dan perasaan peserta apabila melalui sesuatu pengalaman. Para peserta dipohon untuk menulis refleksi harian mereka selama dua bulan dan digalakkan menggunakan bahasa Inggeris setiap masa. Petikan naratif peserta dalam bahagian perbincangan ditulis dalam format ‘*italic*’ bagi mengelakkan kekeliruan antara laporan pelajar dan penulisan penyelidik.

Pengumpulan data fasa kedua menggunakan pendekatan perbincangan kumpulan berfokus. Berbeza dengan temuduga secara kumpulan, data yang diperoleh adalah hasil daripada perbincangan sesama peserta mengenai pengalaman masing-masing. Dua sesi perbincangan kumpulan berfokus dijalankan di mana setiap sesi

dihadiri oleh 3 orang peserta. Kedua-dua sesi berjalan selama satu jam dan telah dirakam menggunakan perakam digital yang kemudiannya ditranskripsikan.

DAPATAN KAJIAN

Kajian Kes 1

Aini merupakan seorang pelajar TESL di sebuah institusi pengajian am di Selangor. Dia tinggal di kampung yang jaraknya agak jauh daripada bandar. Aini memulakan penulisan jurnal beliau semasa cuti semester dan berada di kampung. Entri pertama jurnal beliau adalah seperti berikut: *Saya tinggal dalam komuniti yang langsung tidak menggunakan bahasa Inggeris. Komuniti ini melihat bahasa Inggeris sebagai satu medium yang tidak bersesuaian dan langsung tidak dihargai. Sekiranya sesiapa bercakap bahasa Inggeris, mereka akan dilihat sebagai seorang yang angkuh dan bongkak. Ianya adalah amat sukar bagi saya untuk memulakan perbualan dalam bahasa Inggeris. Orang di sekeliling saya berpendapat sesiapa bercakap bahasa Inggeris kerana ingin menunjuk-nunjuk. Kadang-kadang sesetengah orang akan berasa tersinggung sekiranya saya bercakap bahasa Inggeris dengan mereka kerana merasakan kita memandang rendah kepada mereka. ... mereka melihat bahasa Inggeris sebagai bahasa yang 'kurang ajar'. Aini menyatakan bahawa sekiranya beliau cuba bercakap dalam bahasa Inggeris, ramai akan menjeling dan mempamerkan rasa tidak puas hati. Mereka memandang saya seolah-olah saya adalah makhluk asing. Daripada pengamatan jurnal Aini, pengkaji mendapati beliau sangat sedih dan kecewa dengan segala pengalaman negatif yang dilalui. Penulisan naratif Aini menceritakan perihal yang sama dengan peserta-peserta yang lain yang terlibat dalam kajian ini. Mereka semua dipandang sebagai golongan yang tidak diterima dan biadap.*

Penceritaan konflik dalaman yang dilalui oleh Aini menunjukkan hubungan antara bahasa Inggeris dan juga sikap ambivalen beliau meskipun mendapat tentangan hebat. Naratif jurnal Aini menyokong kenyataan Pavlenko (2002: 284) '*multi-lingual contexts are particularly fraught with the tensions of identity politics whereby many individuals experience a perpetual conflict between self-chosen identities and others' attempts to position them differently*'. Sikap Aini yang tidak mudah mengalah wajar dipuji meskipun dihadapkan dengan stigma masyarakat dan kekecewaan terhadap

layanan negatif. Beliau berkata; *tidak mudah untuk berbicara dalam bahasa Inggeris, tetapi saya akan kuatkan semangat untuk meneruskan mengguna bahasa Inggeris.. Saya akan bersedia menempuhi rintangan kerana ia seolah-olah seperti satu peperangan.* Proses meneruskan pembelajaran dan adaptasi bahasa Inggeris bagi Aini jelas memerlukan kekuatan mental kerana komuniti Melayu sentiasa akan mendiskriminasi sesiapa yang tidak sama dengan majoriti.

Kajian Kes 2

Sarah berusia 20 tahun dan merupakan pelajar TESL yang tinggal di Kuala Lumpur. Jurnal naratif Sarah juga menceritakan insiden dimana apabila beliau cuba menggunakan bahasa Inggeris di dalam komuniti mendapat reaksi negatif. Satu peristiwa berlaku apabila beliau berada di kedai cetakan gambar, beliau menulis : *Saya meminta gambar saya dalam bahasa Inggeris namun jurujual masih terus menjawab dalam bahasa Malaysia dan memberitahu yang cetakan gambar saya belum siap. Tetapi setelah saya menggunakan bahasa Melayu dan memintanya sekali lagi, jurujual tadi terus meluru ke dalam bilik belakang dan menghulurkn gambar-gambar saya. Saya keliru! Saya tidak suka jelingan mata yang diberikan oleh jurujual itu tadi.* Sarah meneruskan entri beliau: *Saya sedar yang tidak ramai orang menyukai saya menggunakan bahasa Inggeris. Mungkin mereka merasakan saya suka menunjuk-nunjuk. ... teman saya memberitahu saya sekiranya kita cuba bercakap bahasa Inggeris dengan orang Melayu lain, ianya seolah-olah kita cuba membuktikan yang kita adalah lebih bagus daripada orang lain. Tetapi apabila kita bercakap bahasa Malaysia, tidak ada orang akan kisah kerana itu adalah jangkaan lazim daripada komuniti Melayu sendiri.*

Penceritaan ini menggambarkan betapa masyarakat Melayu mempunyai stigma terhadap mereka yang kelihatan sama seperti mereka tetapi tambil dengan perbezaan meskipun dengan hanya menggunakan bahasa Inggeris yang merupakan bahasa kedua di Malaysia. Sarah mencatat; *Mungkin kerana saya memakai tudung kepala dan berbangsa Melayu, masyarakat mempunyai tanggapan bahawa saya harus menyerupai yang lain. Bertutur dalam bahasa Melayu merupakan satu aspek yang penting dalam komuniti hari ini. Sekiranya saya gagal memenuhi norma-norma ini, segala tanggapan negatif akan dilemparkan kepada saya.* Semasa sesi perbincangan kumpulan, Sarah

menyatakan faktor agama dan bangsa Melayu memainkan peranan penting. Seorang pelajar wanita yang menganut agama Islam dan berketurunan Melayu, dan apabila beliau tampil dengan kelainan seperti tidak mahu bertutur bahasa Melayu, beliau akan disisihkan oleh masyarakat dan dihujani dengan komentar negatif.

Sarah juga menceritakan bahawa beliau sering berlakon bagi menunjukkan beliau tidak berapa fasih dalam bertutur bahasa Inggeris apabila berbual dengan rakan-rakannya yang bukan mengambil jurusan TESL. Ini kerana berdasarkan pengalaman lalu, sekiranya beliau menunjukkan kompetensi sebenar beliau dalam bertutur bahasa Inggeris, ini akan menimbulkan rasa tidak senang di kalangan rakan-rakan Melayu beliau yang lain. Justeru, dengan berlakon kurang fasih dan amalan '*code-switching*' dapat membantu beliau untuk terus diterima oleh rakan-rakan dan komuniti.

PERBINCANGAN

Setelah meneliti pelbagai aspek naratif daripada testimoni kedua-dua peserta Aini dan Sarah, jelas kelihatan akan kepentingan susur galur senario politik, sejarah dan sosial lampau yang telah memberi impak yang besar kepada penerimaan masyarakat terhadap sesuatu aspek dalam kehidupan seharian. Kajian ini menyiasat penerimaan masyarakat Melayu terhadap penggunaan bahasa Inggeris oleh penutur berbangsa Melayu. Para penutur bahasa Inggeris yang berbangsa Melayu tidak mempunyai peluang yang mencukupi untuk berlatih bahasa Inggeris luar daripada persekitaran akademik meskipun di kampung halaman sendiri. Sekiranya penutur meneruskan bertutur dalam bahasa kedua ini, mereka akan terus dianggap sebagai biadap, suka menunjuk, suka merendah-rendahkan orang.

Data naratif ini juga mencadangkan bahawa terdapat beberapa strategi yang telah dilakukan oleh peserta bagi menyesuaikan diri mereka dalam sesuatu komuniti pada sesuatu masa. Yang pertama, peserta tidak rasa tersekat atau terpaksa berlakon menggunakan bahasa yang dimahukan apabila berada dalam lingkungan komuniti akademik atau persekitaran pembelajaran kerana mereka sedar bahawa perubahan yang ditampilkan akan diterima dengan baik. Kedua, apabila berada di luar institusi pembelajaran, peserta sedar bahawa mereka harus mempunyai ketahanan mental yang lebih kukuh sekiranya mahu menggunakan bahasa Inggeris sebagai wahana komunikasi

harian kerana komuniti sekeliling pasti akan memberikan reaksi negatif. Ketiga, daripada pengamatan jurnal peserta, para peserta tidak menerima pembelajaran reseptif yang mencukupi aktiviti seperti mendengar dan membaca bahan-bahan bahasa Inggeris adalah terhad memandangkan mereka berada di dalam komuniti yang tidak mesra dengan penggunaan bahasa Inggeris. Keempat, dapatan ini merupakan satu pendedahan yang pelik di mana peserta melaporkan kadang-kadang mereka berinteraksi dengan tumbuhan dan haiwan dalam bahasa Inggeris. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka mempunyai kemahuan yang tinggi dalam menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua namun dek kerana tentangan yang hebat, mereka terpaksa berkomunikasi dengan pihak yang pastinya tidak akan memberikan tentangan mahupun respon negatif.

KESIMPULAN

Kajian ini menyungkil permasalahan bertutur bahasa Inggeris dalam konteks komuniti multilingual berfokus kepada komuniti yang paling dominan dalam negara iaitu masyarakat Melayu. Permasalahan terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam komuniti Melayu yang setia kepada tradisi dicungkil di mana perihalan ini telah menimbulkan segregasi persekitaran terhadap orang Melayu yang bertutur bahasa Inggeris. Struktur sosial yang terbentuk hasil daripada ukiran sejarah lampau sedikit sebanyak membendung generasi kini yang berkemahuan mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua daripada terus meningkatkan kefahaman dan kefasihan mereka dengan menghadkan akses kepada pembelajaran dan penggunaan bahasa Inggeris. Fenomena ini juga telah memperlihatkan penutur membentuk pseudo-identiti bagi memastikan mereka boleh meneruskan dan mengekalkan perhubungan dan diterima dalam komuniti tertentu.

Meskipun kajian ini hanya terhad kepada dua kajian kes memandangkan pembatasan ruang dalam kertas kajian, namun kualiti data melalui korpus yang terpilih mampu menggambarkan cabaran dan dilema yang dihadapi oleh ramai lagi penutur bahasa Inggeris dikalangan orang-orang Melayu. Golongan muda kini semakin giat mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua gara-gara kesan daripada proses globalisasi. Penulis mencadangkan kajian mendatang akan turut menyentuh isu yang

sama tetapi perlu menjurus kearah pengolahan atau perubahan dasar dan polisi pendidikan negara.

RUJUKAN

- David, M.K. & Govindasamy, S. 2007. The construction of national identity and globalization in multilingual Malaysia. In A. Tsui and J. Tollefson (eds), *Language policy, culture and identity in Asian contexts*. Mahway, NJ: Lawrence Erlbaum, pp. 55–72.
- Iddings, A.C.D. 2005. Linguistic access and participation: English language learners in an English-dominant community of practice. *Bilingual Research Journal* 29 (1): 165–83.
- Kachru, B.B. 1997. Standards, codification and sociolinguistic realism: the English language in the Outer Circle. In R. Quirk and H.G. Widdowson (eds), *English in the world: teaching and learning the language and literatures*. Cambridge: Cambridge University Press, pp. 11–36.
- Lee, K.H. 2004. Differing perspectives on integration and nation-building in Malaysia. In L. Suryadinata (ed.), *Ethnic relations and nation-building in Southeast Asia: the case of the ethnic Chinese*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, pp. 82–108.
- Lowenberg, P.H. 1992. The marking of ethnicity in Malaysian English literature: nativization and its functions. *World Englishes* 11 (2/3): 251–8.
- Mardziah, H.A. and Wong, B.E. 2006. Listening to the ethnic voice in ESL learning. *English Teacher* 35: 15–26.
- Miller, J. 2000. Language use, identity, and social interaction: migrant students in Australia. *Research on Language and Social Interaction* 33 (1): 69–100.
- Murphey, T., Chen, J. and Chen, L. 2005. Learners' constructions of identities and imagined communities. In P. Benson and D. Nunan (eds), *Learners' stories: difference and diversity in language learning*. Cambridge: Cambridge University Press, pp. 83–100.
- Norton, B. 2000. *Identity and language learning: gender, ethnicity and educational change*. London: Longman.
- Pavlenko, A. 2003. I never knew I was a bilingual. Reimagining teacher identities in TESOL. *Journal of Language, Identity and Education* 2 (4): 251–68.
- Rajah, M.T. 1990. Socio-political changes and their implications for second language learning: the case of Malaysia. In B. Harrison (ed.), *Culture and the language classroom*. ELT documents 132. London: Macmillan, pp. 108–16.
- Ratnawati, M. 2005. English and Islam: a clash of civilizations? *Journal of Language, Identity and Education* 4 (2): 103–18.

Shamsul A.B. 1997. The economic dimension of Malay nationalism: the socio-historical roots of the New Economic Policy and its contemporary implications. *Developing Economies* 35 (3): 240–61.